

KANDUNGAN

Bahasa Melayu (910/1)	<i>1 – 10</i>
Bahasa Melayu (910/2)	<i>11 – 18</i>
Bahasa Melayu (910/3)	<i>19 – 30</i>

BAHASA MELAYU (910/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 29 877 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 86.28% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.61	7.47	13.16	11.02	15.75	14.30	10.97	4.08	4.33	1.93	3.37

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	A
2	A	12	D
3	C	13	C
4	A	14	B
5	B	15	C
6	B	16	A
7	D	17	D
8	A	18	C
9	B	19	C
10	D	20	D

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah sederhana. Terdapat 43 orang calon yang memperoleh markah penuh, iaitu 20 markah. Seramai 51 orang calon pula mendapat markah yang terendah, iaitu 0 markah. Berdasarkan respons calon, soalan 10, 11, 16, 17, dan 18 merupakan soalan yang mudah kerana lebih 60% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan 2 dan 3 pula merupakan soalan yang sukar kerana kurang 30% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan lain pula soalan yang sederhana kerana 50% calon dapat menjawabnya dengan betul.

BAHAGIAN B: *Pembacaan Kritis dan Analitis*

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan berstruktur yang diberikan. Calon dikehendaki menjawab soalan dalam bahagian ini pada helaian jawapan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 30 markah. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah baik. Ada calon yang mendapat markah antara 15 hingga 22 markah untuk bahagian ini. Untuk soalan 21, 22, dan 23, kebanyakan calon mendapat lebih 6 markah daripada 10 markah yang diperuntukkan. Hal ini dikatakan demikian kerana jawapan bagi soalan berkenaan mudah dikesan dalam teks yang diberikan. Namun demikian, bagi tiga soalan pertama ini, calon mengabaikan aspek ketepatan tatabahasa dalam memberikan jawapan. Ramai calon menyalin ayat-ayat dalam teks dengan hanya membuat sedikit perubahan. Ada calon yang menyalin beberapa ayat dari perenggan yang berbeza dan mencantumkannya sebagai satu ayat. Hal ini menyebabkan ayat yang terhasil tidak gramatis. Selain itu, ada calon yang mengemukakan jawapan dalam satu ayat. Mereka memisahkan beberapa jawapan itu dengan penggunaan tanda koma sahaja.

Bagi soalan 24, ada antara calon yang memperoleh lebih 14 markah daripada 20 markah yang diperuntukkan. Calon dapat memberikan isi yang relevan berserta dengan huraian dan contoh yang sesuai. Namun begitu, ada juga calon yang mengemukakan isi yang tidak bernas. Huraian yang diberikan tidak menunjukkan kematangan mereka dan contoh yang dikemukakan pula tidak relevan.

Dari segi bahasa, prestasi calon sederhana. Kebanyakan calon memperoleh 3 markah daripada 5 markah yang diperuntukkan untuk aspek bahasa. Oleh sebab jawapan terhad kepada 150 patah perkataan, pada umumnya calon tidak banyak melakukan kesalahan struktur ayat. Namun demikian, berdasarkan jawapan calon, ada antara mereka yang tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Kebanyakan ayat yang dibina merupakan ayat tergantung, panjang berjela-jela, berbelit-belit, tidak mendukung makna yang jelas dan lengkap, mengandungi kesalahan frasa, kesalahan penggunaan imbuhan, diksi, ejaan, tanda baca, dan kesalahan-kesalahan bahasa yang lain. Selain itu, ada calon yang membina tiga ayat utama sahaja, iaitu satu ayat untuk satu isi. Huraian dan contoh hanya dipisahkan dengan menggunakan tanda koma. Kelemahan sebegini menyebabkan calon tidak memperoleh markah yang baik untuk aspek bahasa.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan maksud frasa yang berikut:

- (a) *...membangunkan potensi insan...* (baris 18)
- (b) *...ibarat lilin yang memberikan cahaya kepada orang lain.* (baris 23)

Contoh jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Memperkembang keupayaan seseorang
- (b) Berkorban demi kepentingan orang lain

Ada calon dapat memberikan maksud frasa (a) dengan betul. Contoh jawapan calon untuk frasa

(a) adalah seperti yang berikut:

- Mempertinggi tahap keupayaan seseorang
- Memajukan bakat semula jadi
- Menambahkan kejayaan berdasarkan keupayaan individu
- Membina kebolehan diri seseorang

Kebanyakan calon tidak dapat memberikan maksud frasa (b) dengan betul. Hanya sebilangan kecil calon yang dapat memberikan maksud frasa ini. Contoh jawapan mereka adalah seperti yang berikut:

- Berkorban untuk kejayaan orang lain
- Sanggup berkorban demi kesenangan orang lain
- Pengorbanan seseorang untuk kemajuan orang lain

Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak mendapat markah untuk soalan ini. Mereka tidak memahami maksud frasa yang diberikan. Hal ini jelas terlihat melalui jawapan mereka, contohnya:

- (a) – Meningkatkan kecemerlangan organisasi
 - Mendirikan kecemerlangan manusia
 - Meningkatkan kualiti murid-murid
 - Membentuk modal insan
 - Meninggikan semangat seseorang
 - Memodenkan potensi anak bangsa
 - Melahirkan insan yang cekap
 - Membina kemahiran pelajar
 - Mengaktifkan minda pelajar
- (b) – Orang yang bertanggungjawab kepada orang lain
 - Menjadi cahaya yang memberi sinar kepada orang lain
 - Menunjuk ajar seseorang
 - Cahaya yang menyuluh sinar kepada orang lain
 - Memberikan kelebihan/manfaat kepada orang lain
 - Mampu mendidik anak bangsa untuk mendepani masa depan yang cerah
 - Ibarat lampu yang menerangkan kegelapan

Selain itu, ada calon yang memberikan penjelasan, misalnya:

- Guru memberikan pengetahuan yang baharu dalam menjadikan seseorang insan itu berguna dan berjaya dalam kehidupan mereka.
- Kesanggupan seseorang untuk menyumbangkan masa dan tenaga bagi individu lain mendapat kecemerlangan dalam hidup.

Ada juga calon yang menyalin ayat daripada petikan, iaitu:

- Guru perlu mengupayakan diri dengan ilmu dan pengalaman agar dapat membangunkan potensi insan melalui penyerapan elemen kerohanian dan kurikulum bagi menghasilkan insan yang bertaraf dunia.

Contoh jawapan calon jelas menunjukkan bahawa kebanyakan mereka tidak memahami maksud frasa yang diberikan. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat markah untuk soalan ini. Selain itu, ada calon yang memberikan huraian atau penjelasan yang agak panjang tentang frasa yang diberikan, bukannya memberikan parafrasa. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak mengetahui teknik untuk menjawab soalan ini.

Soalan 22

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat peranan guru dalam menyempurnakan keberhasilan murid. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (a) Memupuk budi pekerti dan nilai murni sejagat
- (b) Mengubah kaedah penyampaian kandungan pengajaran dalam bilik darjah
- (c) Menjadi kreatif dan inovatif

- (d) Membudayakan inovasi dalam kalangan pelajar
- (e) Memperkaya diri dengan ilmu dan pengalaman
- (f) Menyediakan kepelbagaian bahan rangsangan
- (g) Menyediakan pelan pembangunan individu pelajar yang menyeluruh dan bersepadu

Jawapan untuk soalan ini terdapat dalam petikan yang diberikan. Semua jawapan mestilah berdasarkan petikan tersebut. Sebahagian besar calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Namun demikian, ada segelintir calon yang memberikan jawapan di luar petikan yang diberikan. Mereka menjelaskan tugas guru dalam bilik darjah secara umum, contohnya:

- (a) Guru perlu memastikan pelajar memahami dan menguasai perkara yang diajarkan.
- (b) Guru mesti menjadi teladan yang baik.
- (c) Guru harus menggalakkan pelajar belajar dengan rajin.

Kelemahan calon yang dikenal pasti ialah kebanyakan calon hanya menyalin ayat dalam petikan. Jawapan pula disusun dalam satu ayat yang dipisahkan dengan menggunakan tanda koma. Hal ini menjadikan ayat tersebut panjang berjela-jela. Ada calon yang tersalah menyalin jawapan dan ada yang menyalin jawapan tidak lengkap. Hal ini menyebabkan jawapan mereka menjadi tidak tepat. Contoh jawapan yang tidak tepat adalah seperti yang berikut:

- (a) Guru berperanan mengupayakan diri dan pengalaman agar dapat membangunkan potensi insan.
- (b) Seterusnya peranan guru dalam penyampaian kandungan pengajaran dalam bilik darjah.

Jawapan sedemikian kurang tepat dan hal ini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah.

Soalan 23

Soalan ini menghendaki calon menyatakan empat cabaran yang dihadapi oleh sesetengah guru dalam melaksanakan peranan mereka. Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

- (a) Bekerja tanpa mengira tempat
- (b) Bekerja tanpa mengira masa
- (c) Merentas gunung/menyusur sungai untuk sampai ke sekolah
- (d) Terputus hubungan kerana tiadanya talian/rangkaian komunikasi

Jawapan untuk soalan ini terdapat dalam petikan yang diberikan. Semua jawapan mestilah berdasarkan petikan tersebut. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Kebanyakan calon memperoleh 3 hingga 4 markah untuk soalan ini. Segelintir calon tidak mendapat markah penuh untuk soalan ini kerana ada antara mereka yang memberikan huraian sebagai jawapan. Hal ini menyebabkan jawapan mereka mengandungi dua cabaran sahaja. Jawapan yang lain merupakan huraian kepada cabaran tersebut, dan bukannya cabaran lain. Kelemahan lain pula ialah kebanyakan calon menyalin ayat dalam petikan dan menjadikannya sebagai satu ayat. Hal ini menyebabkan ayat tersebut menjadi panjang berjela-jela. Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan mereka sendiri dan bukannya jawapan dalam petikan. Contohnya:

- (a) Gagal mendapat kerjasama pelajar.
- (b) Kekurangan pengalaman.
- (c) Kurang pengetahuan tentang ilmu pendidikan.
- (d) Tidak cukup masa bersama murid.
- (e) Guru tidak dibenarkan menghukum murid.
- (f) Pelajar tidak mempunyai inisiatif untuk belajar.
- (g) Pelajar tidak menghormati guru.

Walaupun isi di atas juga merupakan cabaran untuk guru, namun kesemuanya tidak diterima sebagai jawapan kerana isi tersebut di luar petikan. Oleh itu, calon tidak mendapat sebarang markah.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon memberikan pendapat tentang kriteria yang perlu ada dalam diri pelajar untuk menjadi insan yang gemilang. Panjang jawapan calon hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. Markah penuh untuk soalan ini ialah 20 markah. Jawapan harus dipersembahkan dengan mengemukakan isi utama, huraian isi utama, contoh, dan huraian contoh. Contoh jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Mempunyai sahsiah terpuji
- (b) Mempunyai semangat untuk bersaing
- (c) Berpegang teguh pada ajaran agama
- (d) Mempunyai kesedaran sendiri untuk berusaha mencapai kemajuan
- (e) Mempunyai disiplin diri yang tinggi
- (f) Mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi
- (g) Mempunyai jati diri yang kukuh
- (h) Berfikiran terbuka
- (i) Melibatkan diri dalam kegiatan yang berfaedah
- (j) Berani
- (k) Mempunyai kemahiran tertentu
- (l) Mempunyai bakat kepimpinan

Calon sepatutnya mengemukakan tiga isi daripada isi di atas. Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka memperoleh 15 hingga 17 markah daripada markah penuh, iaitu 20 markah. Calon dapat memberikan kriteria yang sesuai untuk menjadi insan cemerlang dan memberikan huraian serta contoh yang sesuai. Antara contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Berfikiran kritis dan inovatif
- (b) Berdisiplin tinggi
- (c) Kuat azam untuk berusaha
- (d) Bertanggungjawab
- (e) Mempunyai ilmu pengetahuan/pengalaman
- (f) Kuat pegangan agama

Ada juga calon yang memperoleh markah yang rendah. Calon sedemikian memberikan kriteria yang kurang tepat dan tidak meyakinkan, contohnya:

- (a) Suka berbuat baik kepada rakan
- (b) Memperoleh keputusan yang cemerlang
- (c) Sentiasa bertanya jika tidak faham akan sesuatu
- (d) Mendekatkan diri dengan orang berilmu
- (e) Hormat kepada guru dan rakan
- (f) Tidak pernah meninggalkan solat

Isi sebegini kurang tepat dengan kehendak soalan. Huraian yang diberikan juga tidak sesuai, misalnya calon mengaitkan isi yang dikemukakan dengan langkah yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk menjadi insan cemerlang. Ada juga calon yang menghuraikan kebaikan sekiranya seseorang mempunyai kriteria tersebut, misalnya membolehkan orang lain bekerja dan menyenangkan urusan mereka. Ada antara calon yang menyalin seluruh ayat pertama dalam petikan yang diberikan, iaitu “Kerajaan meletakkan hasrat yang tinggi untuk memastikan setiap murid menjadi insan yang gemilang, iaitu berpengetahuan, berkemahiran, berfikir secara kritis, kreatif, dan inovatif, serta memiliki sahsiah yang mengangkat identiti nasional melalui sistem pendidikan negara ini”. Ayat tersebut mempunyai kriteria untuk menjadi insan gemilang, tetapi tiada huraian dan contoh. Calon tidak memberikan huraian

daripada ayat tersebut sebaliknya mereka hanya menyalinnya. Untuk isi yang lain pula, huraian calon terbatas pada persekitaran persekolahan mereka sahaja, misalnya tentang pembelajaran dalam kelas, hubungan dengan guru, rakan-rakan, dan ibu bapa di samping aktiviti kokurikulum. Calon tidak dapat mengaitkan kecemerlangan seseorang dalam konteks dunia luar.

Kelemahan calon yang lain ialah mereka membuat pendahuluan dan kesimpulan dalam jawapan yang tidak diperlukan dan hanya merugikan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana jawapan bagi soalan ini terhad kepada 150 patah perkataan. Apabila calon membuat pendahuluan dan kesimpulan, mereka telah menulis antara 30 hingga 35 patah perkataan. Sepatutnya, jumlah perkataan itu dimanfaatkan dengan menulis isi utama berserta dengan huraian dan contoh yang mempunyai markah. Selain itu, ramai calon memberikan jawapan dalam satu perenggan. Hal ini menyebabkan isu utama dan huraianya sukar untuk dikesan.

BAHAGIAN C: *Penulisan Esei Tidak Berformat*

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab satu daripada tiga soalan esei yang diberikan. Markah penuh bagi bahagian ini ialah 50 markah. Calon perlu menulis satu esei yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan soalan yang dipilih. Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi berjaya memperoleh markah melebihi 35 markah. Calon ini dapat mengemukakan isi yang relevan dan mencukupi dari segi jumlah isi yang diperlukan. Mereka dapat menghuraikan isi utama dengan berkesan dan meyakinkan. Bahasa mereka juga lancar dan gramatis, serta mereka mampu mengemukakan isi dengan menggunakan bahasa yang menarik. Tegasnya, calon mampu menghasilkan esei yang menunjukkan ciri wacana yang utuh. Walau bagaimanapun, calon seperti ini jumlahnya tidaklah banyak.

Calon yang sederhana prestasinya pada umumnya dapat memberikan isi yang relevan, tetapi jumlah isinya antara tiga hingga empat isi sahaja. Kelemahan mereka yang utama ialah mereka tidak dapat menghuraikan isi dengan kukuh dan mantap serta relevan dengan isi utama yang dikemukakan pada awal perenggan. Dengan kata lain, huraian yang dikemukakan tidak menyokong isi utama, iaitu tidak menghuraikan faktor bagi sesuatu, kesan atau akibat sesuatu gejala, atau manfaat sesuatu usaha (bergantung pada tajuk karangan yang dipilih). Tegasnya, dalam perenggan karangan mereka, tidak wujud koheren antara ayat pertama dengan ayat yang seterusnya yang sepatutnya menyokong isi utama tersebut. Disebabkan kelemahan sebegini, calon hanya memperoleh satu atau dua markah sahaja untuk sesuatu isi.

Calon yang lemah pula gagal memberikan isi yang relevan, jelas, dan bernas, manakala jumlah isi yang dikemukakan juga kurang daripada yang sepatutnya. Huraian isi mereka lemah, di samping terdapat isi yang remeh, bertindan, dan huraian yang berulang. Ada calon yang mengemukakan isi yang bercampur aduk dengan huraian. Ada sesetengah calon mengemukakan isi yang terpesong yang bertentangan dengan kehendak soalan. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah untuk isi.

Dari segi bahasa, prestasi calon ketara lemah. Mereka tidak menguasai kemahiran membina ayat dengan betul. Kebanyakan ayat yang dibina merupakan ayat tergantung, ayat yang panjang berjela-jela, dan ayat yang tidak jelas subjek dan predikatnya. Ada calon yang membina ayat yang tidak mendukung makna yang jelas dan lengkap, ayat yang mengandungi kesalahan frasa, kesalahan penggunaan imbuhan, diksi, ejaan, tanda baca, dan kesalahan-kesalahan bahasa yang lain. Contoh ayat yang dibina oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (a) Pada pendapat saya ibu bapa yang diabaikan oleh anak-anak sebab ibu bapa mereka tua, mereka mengalami pelbagai penyakit dan kurang tenaga kerja.
- (b) Tidak mempunyai masa untuk memelihara ibu bapa kerana kesibukan kerja.
- (c) Ibu bapa tidak pernah menghantar kita ke rumah pengabaian apabila kita membuat kesalahan ataupun nakal.
- (d) Perniagaan atas talian menjimatkan masa pengguna kerana pengguna hanya menggunakan jari berbanding dengan perniagaan langsung di mana pengguna harus melalui kesesakan lalu lintas.
- (e) Terdapat beberapa punca dan kesan negatif pencemaran udara dan alam sekitar yang telah memberikan kesan buruk kepada manusia dan alam sekitar.
- (f) Mereka tidak menjaga ibu bapa mereka kerana kesibukan kerja harian yang mereka lakukan saban hari.
- (g) Sesetengah orang bekerja 8 jam dan sesetengah orang bekerja 12 jam sehari. Balik dari kerja pun lambat dan sudah malam. Balik rumah makan apa sahaja yang ada dan tidur.
- (h) 1 hari atau dua hari tak apa akan berlaku atau apa terjadi pada ibu bapa yang berusia tua itu. Lambat makan atau makan luar mungkin mereka sakit perut.

Contoh ayat di atas memberikan gambaran bahawa calon tidak dapat berfikir secara jelas tentang sesuatu yang hendak disampaikan. Ayat-ayat yang dibina tidak kemas dan bahasanya tidak berkesan. Mereka juga tidak dapat membuat perbezaan antara bahasa formal dengan bahasa basahan. Tegasnya, mereka tidak menguasai tatabahasa dengan baik.

Selain itu, calon melakukan kesalahan penggunaan penanda wacana, contohnya:

- (a) Secara tidak langsung, pengabaian ibu bapa akan memberikan kesan yang negatif kepada negara. *Oleh itu*, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan berlakunya kes pengabaian ibu bapa.
- (b) Ibu bapa banyak berkorban untuk kita, semata-mata ingin melihat kita berjaya. *Walau bagaimanapun*, kita harus menyayangi ibu bapa kita walau di mana kita berada.
- (c) *Selepas itu*, perniagaan ini menimbulkan kreativiti seseorang, terutamanya dari segi pembinaan iklan melalui Internet. Dengan penjimatan kos sewaan ini, peniaga memperoleh keuntungan yang lebih. *Oleh itu*, perniagaan dalam talian menjimatkan wang peniaga.

Di samping itu, ramai calon memulakan ayat dengan kata hubung, seperti *justeru*, *lantaran*, *manakala*, *tetapi*, *malahan*, dan lain-lain yang menyebabkan ayat yang dibina itu tergantung, contohnya:

- (a) **Bagi* anak-anak hendaklah menyayangi ibu bapa.
- (b) **Justeru* itu kerajaan hendaklah mengawal pembinaan kilang supaya udara menjadi tidak kotor.
- (c) **Lantaran* pula, perniagaan dalam talian boleh melibatkan siapa sahaja yang ada Internet.
- (d) **Malahan* banyak barangan dapat dijual dengan harga yang murah.
- (e) *Haiwan terdedah kepada bahaya udara tercemar. *Malah* tumbuhan juga akan pupus. *Lantaran* itu pencemaran hendaklah diatasi.

Kesalahan bahasa yang lain yang sering dilakukan oleh calon ialah kesalahan membina frasa yang bersifat lewah, seperti *banyak faktor-faktor*, *kebanyakkan anak-anak*, *pelbagai penyakit-penyakit*, *selain daripada itu*, dan *saling tolak-menolak*.

Dalam aspek penulisan esei, ada calon yang mengemukakan kesimpulan kecil pada akhir setiap perenggan. Hal ini sebenarnya merugikan calon kerana jumlah perkataan yang digunakan untuk kesimpulan kecil itu boleh dimanfaatkan untuk melanjutkan huraian isi agar markah yang lebih baik untuk isi dapat diperoleh. Contoh penulisan kesimpulan kecil adalah seperti yang berikut:

Akhir sekali, kesan negatif pencemaran udara kepada manusia dan alam sekitar ialah menyebabkan kesihatan manusia terjejas. Pencemaran udara berlaku kerana kemajuan industri di negara ini menyebabkan pertambahan bilangan pengangkutan yang digunakan. Industri tersebut telah mengeluarkan gas dalam bentuk asap yang menghancurkan partikel yang terampai di udara. Apabila

udara yang tercemar itu dihidu oleh manusia, pelbagai penyakit akan menyerang manusia. Contohnya, sakit paru-paru, mata, sesak nafas, dan asma. Pertambahan kadar pengangkutan juga menyebabkan asap pencemaran yang menjejaskan kesihatan manusia. *Oleh itu menyebabkan kesihatan manusia terjejas merupakan kesan negatif pencemaran udara kepada manusia dan alam sekitar.*

Selain itu, terdapat calon yang jelas tidak membaca pernyataan soalan dengan teliti dan tidak memahami kehendak soalan dengan betul. Sebagai contoh, soalan “pengabaian ibu bapa oleh anak-anak” dianggap sebagai “pengabaian anak-anak oleh ibu bapa”. Akibatnya, calon menulis esei terpesong dengan isi yang tidak relevan dengan kehendak soalan.

Dari segi persembahan pula, calon berprestasi tinggi berupaya mengolah esei dengan kemas dan berkesan. Esei mereka menyerlahkan ciri kohesi dan koheren dengan baik dalam jumlah patah perkataan yang ditetapkan, iaitu 600 hingga 650 patah perkataan. Calon yang lemah pula jelas tidak menguasai kemahiran mengarang. Mereka menulis tanpa perancangan dan hal ini menyebabkan mereka menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran mereka. Akibatnya, terhasillah perenggan yang memuatkan isi lebih daripada satu dalam satu perenggan, atau isi yang sama diulang dalam perenggan yang berbeza. Apabila calon menulis lebih daripada satu isi dalam satu perenggan, mereka akan kehilangan markah huraian kerana huraian tidak lagi berfokus kepada isi utama.

Di samping itu, terdapat sebilangan calon yang menulis esei melebihi 650 patah perkataan dan ada juga calon yang menulis kurang daripada 500 patah perkataan. Kesannya, ada bahagian esei yang terpaksa dipotong kerana terlalu panjang atau ada markah yang dipotong kerana esei terlalu pendek. Ada calon yang menulis esei yang panjangnya kurang daripada 300 patah perkataan. Hal ini menyebabkan markah bahasa dan markah pengolahan yang diperoleh amat rendah.

Komen soalan demi soalan

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang sebab pengabaian ibu bapa oleh anak-anak. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Kesibukan anak-anak
- (b) Kurang rasa tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa
- (c) Sikap anak-anak yang malu akan keadaan atau latar belakang orang tua mereka yang miskin
- (d) Pengalaman lampau anak-anak yang menimbulkan rasa dendam
- (e) Jurang generasi yang menyebabkan timbulnya perbezaan pendapat, pendirian, dan lain-lain
- (f) Anak-anak kurang mampu dari segi kewangan
- (g) Ibu bapa menghadapi penyakit yang berkaitan dengan emosi dan anak-anak tidak mampu menanganinya
- (h) Sikap negatif ibu bapa itu sendiri, seperti cerewet dan suka berleter
- (i) Konflik dalam keluarga

Calon yang berprestasi tinggi dapat menulis esei bagi tajuk ini dengan baik. Mereka memperoleh lebih daripada 25 markah. Isi yang dikemukakan bernas dan tepat, disertai dengan huraian dan contoh yang meyakinkan dan menyokong isi utama. Sebagai contoh, mereka menyatakan bahawa anak-anak mungkin mengabaikan ibu bapa kerana pengalaman lampau yang begitu pahit dirasakan oleh mereka. Apabila ibu bapa mereka telah tua dan uzur, anak-anak yang menyimpan dendam itu mendera ibu bapa mereka dengan mengabaikan mereka.

Calon yang lemah sukar untuk mendapat markah yang tinggi. Mereka tidak mampu menghuraikan isi utama yang dikemukakan. Walaupun calon mengemukakan isi utama dengan tepat namun mereka tidak dapat memperkembang isi tersebut. Sebagai contoh, isi utama mereka tentang sebab ibu bapa diabaikan

oleh anak-anak tetapi huraian mereka berkisar tentang langkah yang perlu dilakukan oleh anak-anak terhadap ibu bapa. Misalnya, calon mengemukakan isi kurang penghayatan terhadap hukum agama sebagai punca, tetapi mereka tidak dapat menjelaskan isi tentang kurang penghayatan terhadap hukum agama boleh menyebabkan anak-anak mengabaikan ibu bapa. Perkara yang ditegaskan oleh mereka ialah ibu bapa perlu mengutamakan pendidikan agama kepada anak-anak.

Selain itu, ada segelintir calon yang mengemukakan isi yang bertindan-tindih. Sebagai contoh, isi yang berkaitan dengan anak-anak sibuk dengan pekerjaan dan anak-anak mengejar kekayaan dan kemewahan diasingkan sebagai dua isi, sedangkan kedua-duanya berkaitan. Ada juga calon yang esainya terpesong kerana mereka membincangkan sebab ibu bapa mengabaikan anak-anak, sedangkan soalan tersebut tentang sebab anak-anak mengabaikan ibu bapa. Sebagai contoh, mereka menyatakan ibu bapa terlalu sibuk dengan pekerjaan, ibu bapa suka bersosial, dan ibu bapa mempunyai tabiat suka berfoya-foya. Ada segelintir calon pula memberikan isi yang tidak meyakinkan, contohnya seperti yang berikut:

- (a) Anak-anak sibuk dengan rakan sebaya
- (b) Anak-anak sibuk dengan Internet dan media sosial
- (c) Anak-anak terpengaruh oleh budaya Barat
- (d) Anak-anak terpengaruh oleh media massa
- (e) Wujudnya rumah perkhidmatan kebajikan untuk warga emas dengan banyaknya pada masa ini

Soalan 26

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah esei tentang kesan negatif pencemaran udara kepada manusia dan alam sekitar. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Mengakibatkan pelbagai penyakit kepada manusia
- (b) Menyebabkan aktiviti harian manusia tergendala
- (c) Memberikan kesan negatif kepada iklim global
- (d) Mengakibatkan lapisan ozon menjadi nipis dan bocor
- (e) Menyebabkan peningkatan suhu setempat
- (f) Menyebabkan hujan asid yang berbahaya
- (g) Menjejaskan tumbesaran tumbuh-tumbuhan
- (h) Menyebabkan kerosakan pada bangunan

Calon yang memilih soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Esei mereka jelas menunjukkan bahawa mereka banyak membaca dan mempunyai maklumat yang banyak bagi isu ini. Mereka dapat memberikan isi-isi yang relevan dan menghuraikannya dengan jelas dan berkesan. Calon yang berprestasi tinggi dapat menulis esei dengan menggunakan laras bahasa yang sesuai. Seseengah calon dapat menjelaskan masalah pencemaran udara yang dapat mengganggu ekosistem, menyebabkan pemanasan global, dan menipiskan lapisan ozon. Huraian dan contoh yang dikemukakan menyokong isi utama. Ada antara calon yang memperoleh lebih daripada 35 markah untuk soalan ini.

Namun demikian, calon yang lemah tidak dapat memberikan huraian dengan berkesan meskipun mereka dapat mengemukakan isi utama dengan tepat. Sebagai contoh, mereka mengemukakan isi, iaitu menjejaskan tumbesaran tanaman. Namun demikian, mereka menghuraikannya secara kurang jelas, misalnya calon menyatakan bahawa kesan tersebut boleh menyebabkan kekurangan bekalan makanan sehingga boleh menyebabkan kebuluran. Isi tentang menjejaskan aktiviti harian pula dikaitkan dengan wujudnya penyakit kerana kurangnya aktiviti luar dan pengurangan kedatangan pelancong asing juga. Huraian ini tidak meyakinkan. Ada juga calon yang memberikan kesan negatif pencemaran alam sekitar secara umum. Mereka menyatakan bahawa kesannya hidupan akuatik akan pupus dan masalah kegatalan kerana kudis. Walaupun hal ini mungkin berlaku tetapi isi ini kurang sesuai untuk kesan

pencemaran udara. Selain itu, ada segelintir calon yang memberikan isi yang tidak relevan, contohnya seperti yang berikut:

- (a) Hubungan silaturahim antara jiran terjejas kerana mereka tidak boleh melakukan aktiviti luar
- (b) Negara menjadi kacau-bilau
- (c) Menjejaskan keindahan negara
- (d) Menjatuhkan imej negara di mata dunia
- (e) Anak-anak tidak ke sekolah kerana sekolah ditutup sehingga menjejaskan prestasi mereka

Soalan 27

Soalan ini menghendaki calon menulis esei tentang kebaikan perniagaan dalam talian (*online business*) atau *e-dagang*. Antara isi yang relevan dengan tajuk esei ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Meluaskan pasaran
- (b) Mengurangkan kos perniagaan
- (c) Memudahkan pengguna dari segi masa dan tenaga
- (d) Membuka peluang pekerjaan
- (e) Menggalakkan pertumbuhan industri kewangan
- (f) Meningkatkan kreativiti dalam bidang pemaparan laman sesawang dan iklan melalui Internet
- (g) Membolehkan pembeli mendapatkan barangan dengan harga yang lebih murah
- (h) Mempelbagaikan pilihan kepada pembeli

Calon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam perniagaan dalam talian dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat mengemukakan isi utama dengan tepat, kemudian menghuraikannya dengan hujah yang bernas dan meyakinkan, disertai dengan contoh yang bersesuaian. Hal ini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi untuk soalan ini. Mereka memahami konsep perniagaan dalam talian dan boleh memperincikan kebaikannya kepada peniaga dan pengguna dengan jelas. Mereka juga dapat memberikan contoh pengusaha perniagaan dalam talian dengan betulnya dan menjelaskan prosedur sebenar jual beli melalui jenis perdagangan tersebut.

Calon yang mempunyai pengetahuan yang terbatas tentang isu ini pula menunjukkan prestasi yang sederhana. Mereka memberikan isi secara serkap jarang. Mereka menyatakan bahawa perniagaan dalam talian dapat menambahkan pendapatan negara melalui cukai import dan cukai eksport padahal sebenarnya pengusaha perniagaan dalam talian setakat ini bebas daripada cukai tersebut. Selain itu, isi yang dikemukakan juga bertindan, misalnya isi menjimatkan masa diasingkan daripada isi memudahkan urusan niaga manakala isi meluaskan pasaran diasingkan daripada isi wujudnya persaingan antara pengeluar produk. Selain itu, terdapat juga isi yang remeh dan boleh dipersoalkan kebenarannya, misalnya seperti yang berikut:

- (a) Pembeli tidak perlu membawa wang tunai dengan banyaknya
- (b) Menyelesaikan masalah organisasi
- (c) Memacu ekonomi negara
- (d) Menjalinkan hubungan persahabatan
- (e) Menjaga alam sekitar
- (f) Menyebabkan pengangguran kerana tidak ramai pekerja diperlukan

BAHASA MELAYU (910/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 29 578 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 63.42% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.81	5.95	7.70	8.88	9.88	11.00	11.20	3.70	7.47	3.63	21.78

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: *Aneka Pilihan*

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	11	C	21	D
2	A	12	D	22	C
3	D	13	C	23	A
4	B	14	D	24	D
5	D	15	B	25	B
6	B	16	C	26	D
7	C	17	D	27	A
8	B	18	B	28	A
9	A	19	A	29	D
10	C	20	B	30	B

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah baik. Terdapat 28 orang calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 30 markah manakala seramai 5 orang calon mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa terdapat lima soalan yang mudah, iaitu soalan 1, 12, 13, 17, dan 18. Lebih 70% calon dapat menjawab soalan-soalan ini dengan betul. Soalan-soalan yang lain pula merupakan soalan yang sederhana bagi calon.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah sederhana. Hanya sebilangan kecil calon yang berprestasi tinggi mendapat markah antara 25 hingga 28 markah untuk bahagian ini. Kebanyakan calon pula memperoleh markah kurang daripada 11 markah. Hal ini menunjukkan bahawa prestasi calon adalah sederhana. Calon yang berprestasi tinggi nyata dapat menguasai aspek-aspek yang ditanyakan, berupaya memahami kehendak soalan dengan tepat, boleh menggunakan istilah yang betul dalam jawapan, dan dapat menjawab soalan dengan betul dalam binaan ayat-ayat yang gramatis. Calon sedemikian mengetahui teknik menjawab soalan. Mereka dapat memberikan jawapan yang tepat dan mampu memberikan anggaran jawapan yang berkadar dengan peruntukan markah. Ertinya, mereka tidaklah memberikan jawapan secara ringkas atau secara berlebihan untuk sesuatu soalan itu. Calon yang lemah pula kebanyakannya tidak memahami kehendak soalan. Ada antara mereka yang berusaha untuk memberikan jawapan, namun jawapan tersebut tidak tepat. Untuk soalan yang menghendaki calon membina ayat, kebanyakan calon tidak dapat membina ayat yang bertepatan dengan kehendak soalan.

Secara umumnya, terdapat tiga kelemahan calon ketika menjawab soalan dalam bahagian ini. Pertama, calon tidak memahami konsep atau istilah dalam bidang morfologi dan sintaksis. Antara konsep yang digunakan dalam soalan ini ialah kata majmuk istilah khusus, kata majmuk rangkai kata bebas, kata majmuk kiasan, kata kerja benefaktif dan kausatif, jenis ayat majmuk, dan proses penerbitan ayat. Oleh sebab calon tidak memahami konsep dan istilah tatabahasa ini, mereka memberikan jawapan yang salah. Ada calon yang meninggalkan ruang jawapan kosong tanpa jawapan.

Kelemahan yang kedua ialah sikap calon yang cuai dan mengambil mudah ketika mereka menjawab soalan. Sebagai contoh, untuk soalan yang meminta calon membina ayat, calon mesti memberikan jawapan tanpa mengabaikan hukum penulisan ayat, iaitu mesti dimulai dengan huruf besar dan diakhiri dengan tanda noktah. Ramai calon yang dapat membina ayat dengan betul namun mereka mengabaikan aspek tanda baca. Kecuaian sebegini menyebabkan mereka tidak mendapat sebarang markah walaupun struktur ayat yang dibina itu betul.

Kelemahan yang ketiga ialah calon tidak serius ketika menjawab soalan. Ada calon yang memberikan jawapan secara sesuka hati mereka, terutamanya untuk soalan yang meminta calon membina ayat. Calon ini juga melakukan perkara yang sama untuk soalan yang menanyakan konsep atau istilah. Calon memberikan istilah rekaan mereka sendiri. Calon tidak memikirkan sama ada jawapan yang diberikan oleh mereka itu betul dan tepat dari segi semantik ataupun tidak.

Komen soalan demi soalan

Soalan 31

Soalan 31 menghendaki calon menyatakan jenis kata majmuk yang ditandai oleh I, II, dan III dalam petikan yang berikut:

<p>Pegawai Daerah telah merasmikan <u>dewan komuniti</u> di desa kami. Sebagai penghargaan, kami I II memberikan kraf tangan sebagai <u>cenderahati</u>. III</p>
--

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Kata majmuk istilah khusus/kata majmuk rangkai kata bebas
- (b) II: Kata majmuk rangkai kata bebas
- (c) III: Kata majmuk kiasan

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat mengenal pasti ketiga-tiga jenis kata majmuk tersebut. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka mengemukakan jenis ayat majmuk, iaitu “ayat majmuk khusus”. Ada calon yang keliru antara jenis kata majmuk dengan jenis ayat majmuk. Mereka memberikan jawapan jenis ayat majmuk dengan menggunakan istilah “kata majmuk”, seperti “kata majmuk keterangan”, “kata majmuk komplemen”, dan “kata majmuk campuran”. Ada calon yang menambahkan kata atau frasa lain lalu menjadikan istilah tersebut tidak tepat, contohnya “kata majmuk sebagai istilah khusus” dan “kata majmuk dengan kiasan”. Ada juga calon yang memberikan istilah rekaan sendiri, contohnya “kata majmuk menunjukkan pangkat”, “kata majmuk menunjukkan gabungan”, “kata majmuk nama tempat” dan “kata majmuk rangkai bebas gelaran”. Ada calon yang memberikan bentuk kata majmuk sebagai jawapan, iaitu “kata majmuk mantap” dan “kata majmuk tak mantap”. Kesemua jawapan sedemikian tidak diterima. Selain itu, ada sebahagian kecil calon yang tidak menjawab soalan ini.

Soalan 32

Soalan 32 menghendaki calon menamakan golongan kata bagi perkataan “kehilangan” dalam ayat I dan ayat II yang berikut:

I	Kebanyakan orang tidak mampu berdepan dengan <i>kehilangan</i> insan yang tersayang.
II	Saya telah <i>kehilangan</i> semangat untuk berhujah.


Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Kata nama
- (b) II: Kata kerja

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka berupaya untuk membezakan penggunaan perkataan “kehilangan” sebagai kata nama dengan penggunaannya sebagai kata kerja. Ada sebahagian calon yang hanya dapat mengenal pasti golongan kata “kehilangan” dalam ayat I, iaitu kata nama namun mereka tidak dapat mengenal pasti golongan kata tersebut dalam ayat II. Mereka menyatakan bahawa dalam ayat II, perkataan “kehilangan” tergolong dalam kata adjektif. Ada calon yang tidak dapat mengenal pasti imbuhan *ke-...-an* itu sebagai imbuhan kata nama ataupun imbuhan kata kerja, menyebabkan mereka tertukar jawapan antara (a) dengan (b). Ada calon yang memberikan “kata tugas” sebagai jawapan untuk soalan ini. Selain itu, ada calon yang memberikan bentuk kata sebagai jawapan, iaitu “kata tunggal” dan “kata terbitan”. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak memahami konsep bentuk kata dan golongan kata.

Soalan 33

Soalan 33 terbahagi kepada dua, iaitu 33(a) dan 33(b), berdasarkan rajah yang berikut:



Soalan 33(a) menghendaki calon membina satu ayat bagi X(i) dan satu ayat bagi X(ii). Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) X(i): Terdapat tiga bentuk pilihan jawapan:
1. Bandingan dengan *awalan se-*
Contoh: Rumah saya *sebesar* rumah jutawan itu.
 2. Bandingan dengan *sama + adjektif + dengan*
Contoh: Rumah saya *sama besar dengan* rumah jutawan itu.
 3. Bandingan dengan kata bandingan *bagai/bak/ibarat/seperti/umpama/laksana/macam*
Contoh: Rumah jutawan itu besar *bagai* istana.
- (ii) X(ii): Terdapat dua bentuk pilihan jawapan:
1. *lebih + adjektif + daripada*
Contoh: Rumah jutawan itu *lebih besar daripada* rumah abang saya.
 2. *kurang + adjektif + daripada*
Contoh: Gerai itu *kurang bersih daripada* gerai ini.

Hanya calon yang berprestasi tinggi dapat menjawab soalan (a) dengan betul. Mereka dapat membina ayat yang menepati binaan seperti yang terdapat dalam pilihan jawapan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Ada calon yang membina ayat yang mengandungi kata adjektif, namun ayat tersebut tidak mematuhi struktur perbandingan. Ada calon yang menggunakan kata *berbanding*, contohnya: “Rumah saya lebih besar *berbanding* rumah Alia”. Jawapan ini tidak diterima kerana tidak mematuhi struktur perbandingan. Sepatutnya, ayat ini ditulis sebagai: “Rumah saya *lebih besar daripada* rumah Alia”. Ada juga calon yang memberikan jawapan “Adik dan kakak sama cantik.” Jawapan sebegini tidak menepati struktur perbandingan. Sepatutnya ayat ini ditulis sebagai “Adik *sama cantik dengan* kakak.” Selain perlu menepati struktur perbandingan, ayat yang ditulis mestilah gramatis dan menggunakan tanda baca dengan betulnya, iaitu ayat mesti dimulai dengan huruf besar dan diakhiri dengan noktah. Ada calon yang tidak memperoleh markah walaupun ayat yang dibina itu menepati struktur perbandingan kerana mereka mengabaikan aspek tanda baca dalam ayat yang dibina.

Soalan 33(b) menghendaki calon memberikan satu contoh kata atau frasa yang menepati Y. Berdasarkan rajah berkenaan, Y merujuk kepada darjah penghabisan. Terdapat lapan bentuk jawapan yang boleh diterima untuk soalan ini, iaitu:

1. *se + kata adjektif + gandaan*, contoh: *secantik-cantik*
2. *ter- + kata adjektif*, contoh: *tercantik*
3. *paling + kata adjektif*, contoh: *paling cantik*
4. *kata adjektif + sekali*, contoh: *cantik sekali*
5. *ter- + amat/sangat + kata adjektif*, contoh: *teramat cantik*
6. *amat/sungguh/sangat + kata adjektif + sekali*, contoh: *sangat cantik sekali*
7. *terlalu/terlampau + kata adjektif*, contoh: *terlalu cantik*
8. *Maha + kata adjektif*, contoh: *Maha Besar*

Hanya calon yang benar-benar memahami kehendak soalan dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka memberikan kata atau frasa yang sesuai, seperti “termurah” dan “amat besar sekali”. Calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini. Ada segelintir calon yang mencipta istilah sendiri, contohnya “darjah struktur”. Sesetengah calon memberikan jawapan dalam bentuk ayat, bukannya frasa, seperti “Allah Maha Mengetahui.”, “Bangunan itu tinggi sekali.”, dan “Gadis itu paling cantik di kampungnya.”. Selain itu, ada calon yang memberikan kata penguat sahaja sebagai jawapan, contohnya “amat sekali”.

Soalan 34

Soalan 34 menghendaki calon membina satu ayat untuk menunjukkan makna imbuhan *meN-...-kan* yang membawa makna kausatif dan satu ayat lagi untuk menunjukkan makna imbuhan *meN-...-kan* yang membawa makna benefaktif. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) I: Imbuhan *meN-...-kan* yang membawa makna kausatif
Contoh ayat: Semua pelajar diminta untuk *membersihkan* kelas.
- (b) II: Imbuhan *meN-...-kan* yang membawa makna benefaktif
Contoh ayat: Kakak *memasakkan* adik nasi goreng.

Tidak ramai calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Hanya ada segelintir calon yang boleh membina ayat dengan menggunakan kedua-dua kata kerja ini. Secara umumnya, tidak ramai calon yang memahami konsep kausatif dan benefaktif. Buktinya, mereka membina ayat dengan menggunakan kata kerja yang bermaksud “melakukan sesuatu perbuatan” atau membawa maksud “lokatif”. Selain itu, ada calon yang tertukar ruang jawapan dan mereka menulis ayat dalam ruang jawapan yang salah untuk ayat yang membawa maksud kausatif dan benefaktif. Ada calon yang nyata tidak dapat membezakan makna kausatif dan makna benefaktif. Ada calon yang tidak dapat membina ayat yang gramatis untuk menjawab soalan ini. Terdapat segelintir calon yang menggunakan perkataan “mengkausatifkan” dan “membenefaktifkan” untuk membina ayat. Ada calon yang tidak menggunakan imbuhan *meN-...-kan*, sebaliknya mereka menggunakan imbuhan lain, seperti imbuhan *meN-...-i*, *mempeR-...-kan*, dan *meN-*. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak menguasai konsep makna imbuhan dengan baik.

Soalan 35

Soalan ini menghendaki calon menyatakan dua ciri frasa berdasarkan contoh yang diberikan dalam soalan, iaitu:

baju
baju baharu
baju baharu kakak

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Berpotensi untuk diperluas
(b) Mempunyai satu kata sebagai kata inti
(c) Tidak mempunyai subjek dan predikat
(d) Tidak boleh dipisahkan daripada kesatuannya
(e) Boleh menduduki konstituen subjek atau predikat
(f) Tidak mempunyai subjek atau predikat

Hanya segelintir calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat manakala kebanyakan calon lain tidak dapat menjawabnya. Kebanyakannya tidak memahami kehendak soalan. Mereka memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan soalan. Selain itu, ada calon yang memberikan jenis frasa dan binaan frasa sebagai jawapan, contohnya “frasa nama” dan “frasa nama + frasa adjektif”. Ada calon yang memberikan jawapan yang kurang tepat, contohnya “boleh berdiri sendiri”, “mempunyai makna yang lengkap”, dan “ditulis dengan huruf kecil dan tiada titik”.

Soalan 36

Soalan 36 terbahagi kepada dua, iaitu 36(a) dan 36(b) berdasarkan petikan yang berikut:

Untuk meraikan sambutan Hari Kemerdekaan, mereka berdiri di sekitar jalan raya. Bendera Malaysia berkibaran di sana sini dan suara kanak-kanak riuh-rendah ketika mereka menyanyikan lagu kemerdekaan.

Soalan 36(a) menghendaki calon memberikan satu contoh ayat dasar yang mematuhi pola FN + FK dan satu contoh ayat dasar yang mematuhi pola FN + FA. Ayat tersebut mestilah berdasarkan petikan yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(i) FN + FK

Terdapat empat ayat yang menepati pola tersebut dalam petikan yang diberikan, iaitu:

1. Mereka berdiri di sekitar jalan raya.
2. Bendera Malaysia berkibaran di sana sini.
3. Mereka menyanyikan lagu kemerdekaan.
4. Mereka meraikan sambutan Hari Kemerdekaan.

(ii) FN + FA

Suara kanak-kanak riuh-rendah.

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti ayat dasar berdasarkan pola yang diberikan. Mereka dapat menulis contoh ayat untuk kedua-dua pola tersebut. Namun demikian, calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan ini. Mereka tidak memahami konsep ayat dasar dan pola ayat dasar. Oleh itu, mereka menyalin semula ayat yang mengandungi kata hubung yang membentuk ayat majmuk. Kelemahan lain ialah calon kehilangan markah kerana mereka mengabaikan aspek penggunaan tanda baca, iaitu tidak menggunakan huruf besar pada awal ayat dan tidak menggunakan noktah pada akhir ayat.

Soalan 36(b) menghendaki calon menyatakan jenis ayat majmuk bagi ayat pertama dalam petikan tersebut. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah “ayat majmuk pancangan keterangan”. Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon keliru dengan jenis ayat majmuk berkenaan kerana mereka tidak dapat membezakan penggunaan kata “untuk” sebagai kata hubung komplemen dan sebagai kata hubung keterangan. Oleh itu, ramai calon yang menyatakan bahawa ayat pertama dalam petikan itu merupakan “ayat majmuk komplemen”. Selain itu, ada calon yang hanya menulis “ayat majmuk pancangan” sebagai jawapan. Jawapan sedemikian tidak lengkap dan calon tidak diberikan markah.

Soalan 37

Soalan 37 terbahagi kepada dua, iaitu 37(a) dan 37(b) berdasarkan ayat yang berikut:

Nyamuk dan lalat membiak di tempat pembuangan sampah yang kotor dan tidak terjaga.

Soalan 37(a) menghendaki calon menyatakan dua jenis ayat majmuk yang membentuk ayat majmuk campuran yang diberikan dalam soalan. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

(i) Ayat majmuk gabungan

(ii) Ayat majmuk relatif

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mengenal pasti ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk relatif yang terdapat dalam soalan. Namun demikian, kecuaiannya dalam memberikan jawapan menyebabkan mereka kehilangan markah. Ada calon yang hanya menulis

“gabungan” dan “relatif” sebagai jawapan. Jawapan sebegini tidak diterima. Calon sepatutnya menulis jawapan dengan lengkap, iaitu “ayat majmuk gabungan” dan “ayat majmuk relatif”. Untuk jawapan (ii), ada calon yang tidak memperoleh markah kerana mereka hanya menulis “ayat majmuk pancangan” sebagai jawapan.

Soalan 37(b) menghendaki calon menulis dua ayat tunggal yang terdapat dalam ayat majmuk campuran yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Nyamuk membiak di tempat pembuangan sampah.
- (ii) Lalat membiak di tempat pembuangan sampah.
- (iii) Tempat pembuangan sampah kotor.
- (iv) Tempat pembuangan sampah tidak terjaga.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat mencerakinkan ayat majmuk yang diberikan kepada ayat tunggal. Namun demikian, ada calon yang tidak memahami konsep ayat tunggal. Buktinya, mereka masih mengekalkan kata hubung dalam jawapan yang diberikan, contohnya “Nyamuk membiak di tempat pembuangan sampah yang kotor.” dan “Lalat membiak di tempat pembuangan sampah yang tidak terjaga.” Selain itu, calon mengabaikan penggunaan huruf besar pada awal ayat dan noktah pada akhir ayat. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah walaupun ayat tunggal yang diberikan itu tepat.

Soalan 38

Soalan ini meminta calon menyatakan proses penerbitan yang berlaku pada ayat yang berikut:

- (a) Terus ke gawang gol bola itu saya tendang.
- (b) Sistem pendidikan yang kita laksanakan selama ini menekankan keupayaan intelektual.

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Proses penyusunan semula
- (b) Proses peluasan

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Calon lemah pula nyata tidak mempunyai pengetahuan tentang proses penerbitan ayat. Buktinya, mereka memberikan jawapan yang tidak berkaitan, seperti “ayat aktif” dan “ayat penyongsangan”. Ada calon yang menulis struktur binaan ayat tersebut. Mereka jelas tidak dapat memberikan istilah yang berkaitan dengan proses penerbitan ayat. Pelbagai istilah yang tidak tepat diberikan, seperti “proses perbuatan”, “proses pelaksanaan”, dan “proses pempasifan”. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak menguasai istilah dan konsep tatabahasa dengan baik.

Soalan 39

Soalan ini memerlukan calon menganalisis kesalahan bahasa berdasarkan petikan yang diberikan. Calon hanya perlu menyenaraikan tiga kesalahan bahasa, menjelaskan sebab kesalahan, dan menulis pembetulannya. Petikan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

Fabrik berasaskan kepada gentian haiwan sering mendapat permintaan ramai, terutamanya pada musim dingin. Antara yang digemari ialah fabrik yang seakan-akan sutera yang diperbuat daripada bulu kambing. Seperti kebanyakan fabrik gentian haiwan yang lain, fabrik ini juga sesuai digunakan pada musim sejuk sebab ia mempunyai ciri-ciri penambat dingin. Sifat bulunya yang tebal dapat membantu untuk memerangkap haba badan dan mengekalkan kehangatan dalam menghadapi musim sejuk.

Jawapan yang sepatutnya adalah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Sebab kesalahan</i>	<i>Pembetulan</i>
(a)	Fabrik berasaskan kepada gentian...	Meletakkan frasa sendi nama sebagai pelengkap kepada kata kerja berapitan <i>beR-...-kan</i>	Fabrik berasaskan gentian...
(b)	...pada musim sejuk sebab ia...	Menggunakan kata nama “sebab” sebagai kata hubung	...pada musim sejuk oleh sebab/ kerana/lantaran ia...
(c)	...dapat membantu untuk memerangkap haba...	Tiada objek selepas kata kerja transitif “membantu”	...dapat membantu pakaian/ fabrik untuk memerangkap haba...
(d)	...kehangatan dalam menghadapi...	Menggunakan kata sendi nama “dalam” sebagai kata hubung	...kehangatan untuk/ apabila/ketika/bagi/semasa menghadapi...

Prestasi calon dalam bahagian ini adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengenal pasti kesalahan bahasa dan membuat pembetulan, namun mereka tidak dapat menjelaskan sebab kesalahan dengan tepat. Oleh itu, kebanyakan calon memperoleh 3 hingga 5 markah sahaja untuk soalan ini. Untuk menjawab soalan ini, calon mestilah menguasai aspek morfologi dan sintaksis. Kelemahan calon dalam kedua-dua aspek ini menyebabkan kebanyakan calon hanya mampu mengesan kesalahan bahasa dan membuat pembetulannya. Untuk aspek sebab kesalahan, mereka menulis apa-apa sebab yang dirasakan sesuai tetapi hakikatnya sebab itu tidak tepat. Ada calon yang membiarkan ruang sebab kesalahan kosong tanpa dijawab.

Kelemahan calon yang lain ialah mereka hanya menulis satu perkataan pada ruang kesalahan, contohnya “berasaskan”, “sebab”, “membantu” dan “dalam”. Dalam ruang pembetulan pula, calon hanya menulis “berasaskan”, “kerana”, dan “ketika”. Contoh jawapan sebegini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah kerana tidak menunjukkan bahagian yang salah dan bahagian yang diperbetul. Sepatutnya, calon menulis jawapan dengan lengkap. Ada sesetengah calon yang memberikan jawapan yang salah pada ruang pembetulan. Hal ini menunjukkan bahawa calon sebenarnya tidak mengetahui aspek yang salah dan mereka memberikan jawapan secara sembarangan sahaja. Pada ruang sebab kesalahan pula, ada calon yang mereka-reka sebab kesalahan atas pemahaman sendiri untuk cuba menjawab, contohnya “penggunaan kata *sebab* tidak menggramatiskan ayat” dan “penggunaan kata *sebab* kerana kesedapan ayat”. Mutu jawapan sebegini menunjukkan bahawa calon jelas tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang aspek morfologi dan sintaksis.

BAHASA MELAYU (910/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 25 277 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 65.35% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	12.45	7.53	5.73	6.35	10.22	13.45	9.62	8.70	11.43	5.10	9.41

RESPONS CALON

BAHAGIAN A: Aneka Pilihan

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	B	11	A
2	D	12	D
3	D	13	A
4	D	14	C
5	C	15	A
6	C	16	C
7	B	17	A
8	D	18	B
9	B	19	B
10	D	20	A

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Bahagian A bagi semester ini adalah baik. Terdapat 60 calon yang memperoleh markah tertinggi, iaitu 20 markah manakala hanya seorang calon mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Berdasarkan respons calon, didapati bahawa terdapat tiga soalan yang mudah, iaitu soalan 2, 15, dan 17 kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul. Soalan-soalan lain merupakan soalan aras sederhana.

BAHAGIAN B: Struktur

Komen am

Dalam bahagian ini, calon dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan. Markah penuh untuk bahagian ini ialah 45 markah. Secara keseluruhan, prestasi calon dalam Bahagian B adalah sederhana. Kebanyakan calon memperoleh markah antara 15 hingga 30. Ada segelintir calon yang dapat menjawab semua soalan dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa calon menguasai topik yang diajarkan oleh guru. Calon dapat menjawab sesetengah soalan dengan betul, antaranya soalan 22, 23, 28, dan 30. Untuk soalan 22 misalnya, calon mengetahui bahawa petikan yang diberikan merupakan retorik penceritaan. Bagi soalan 23 pula, calon dapat mengenal pasti teknik penyampaian idea yang digunakan dalam petikan, iaitu teknik deduksi, seterusnya menulis semula pernyataan umum dan pernyataan khusus yang terdapat dalam petikan tersebut.

Kelemahan calon yang ketara ialah mereka tidak mengemukakan jawapan yang bertepatan dengan kehendak soalan. Sebagai contoh, untuk soalan 21(b)(i), soalan menanyakan jenis penanda wacana yang sesuai dengan petikan yang diberikan. Calon sepatutnya memberikan jenis penanda wacana, iaitu “penanda penghubung”. Namun demikian, calon memberikan “penanda penghubung musabab” sebagai jawapan. Jawapan sedemikian menyebabkan calon tidak memperoleh markah kerana soalan menghendaki calon memberikan jenis penanda wacana, bukannya jenis penanda penghubung. Begitu juga untuk soalan 24, yang dikehendaki oleh soalan ialah istilah yang merujuk kepada situasi penggunaan bahasa, tetapi jawapan yang diberikan oleh calon ialah “bahasa dwibahasa”, “penggunaan dwibahasa”, “bahasa diglosia”, dan “penggunaan diglosia”. Kesemua jawapan sedemikian tidak diterima kerana bukan istilah yang tepat. Kelemahan calon dalam memberikan jawapan yang bertepatan dengan kehendak soalan juga ketara dalam soalan 33. Situasi telah diberikan dalam soalan dan calon sepatutnya membina wacana berdasarkan situasi tersebut. Namun demikian, ada calon yang membina wacana yang tidak mempunyai kaitan dengan situasi yang diberikan. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah walaupun terdapat penggunaan bahasa yang sopan dan bertatasusila dalam wacana yang dibina.

Kelemahan calon yang lain ialah mereka membina satu ayat sahaja bagi soalan yang menghendaki mereka membina wacana. Penggunaan tanda baca yang tidak jelas turut menjejaskan markah calon. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan huruf besar pada awal ayat dan penggunaan tanda noktah pada akhir ayat dapat membezakan sama ada calon menulis ayat atau wacana. Kecuaian calon dalam penggunaan tanda baca menyebabkan mereka kehilangan markah bagi soalan yang menghendaki mereka membina ayat dan membina wacana.

Selain itu, jawapan yang diberikan oleh calon mengandungi kesalahan ejaan, contohnya “diaglosia”, “kehensi”, “donotatif”, dan “pendindaan”. Kesilapan ejaan ini menunjukkan calon tidak berhati-hati semasa menjawab soalan. Ada juga sebilangan kecil calon yang langsung tidak menjawab beberapa soalan.

Komen soalan demi soalan

Soalan 21

Soalan 21 terbahagi kepada dua, iaitu 21(a) dan 21(b). Soalan 21(a) menghendaki calon menentukan sama ada petikan yang berikut merupakan sebuah wacana yang utuh berserta dengan alasannya.

Ketupat sotong merupakan makanan tradisi di perkampungan nelayan di Pantai Timur. Sajian ini mempunyai dua variasi, iaitu jenis lemak dan berkuah putih serta jenis manis dan berkuah merah gelap.

Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Ya, petikan di atas merupakan sebuah wacana yang utuh kerana wacana tersebut mengandungi kohesi dan koheren.

Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Calon menjawab soalan ini dengan ringkas, tepat, dan jelas. Calon nampaknya memahami konsep wacana yang utuh dan ciri yang membentuk keutuhan sesebuah wacana. Selain menggunakan istilah “kohesi” dan “koheren”, ada calon yang menggunakan istilah lain yang merujuk maksud yang sama, iaitu “runtutan” dan “tautan”, serta “kesinambungan idea” dan “pertautan ayat”.

Namun demikian, ada segelintir calon yang memberikan jawapan yang tidak tepat. Mereka mengemukakan alasan dengan panjang lebar tetapi tidak berkaitan dengan kohesi dan koheren. Kumpulan calon ini sebenarnya tidak mengetahui ciri wacana yang utuh. Ada calon yang hanya menyatakan wacana tersebut utuh tetapi tidak disertai dengan alasan untuk menyokong jawapan tersebut. Ada pula calon yang tidak memberikan jawapan sama ada wacana tersebut utuh atau tidak, sebaliknya mereka hanya menyatakan wacana tersebut mempunyai kohesi dan koheren. Jawapan sedemikian menyebabkan calon tidak memperoleh markah penuh untuk soalan ini. Selain itu, ada calon yang menyatakan bahawa petikan tersebut merupakan wacana yang tidak utuh kerana hanya mempunyai kohesi dan tidak mempunyai koheren. Jawapan ini tidak tepat dan calon tidak memperoleh sebarang markah. Jawapan sebegini menunjukkan bahawa calon sebenarnya tidak dapat memastikan sama ada sesuatu wacana itu utuh ataupun tidak. Selain itu, ada juga calon yang menggunakan istilah yang tidak tepat untuk merujuk kepada ciri wacana, contohnya “kesinambungan ayat” dan “pertautan idea”.

Soalan 21(b) terbahagi kepada dua, iaitu 21(b)(i) dan 21(b)(ii), berdasarkan petikan yang berikut:

Pada zaman dahulu, Bandar Xiamen menjadi tempat persinggahan bagi burung bangau.
_____ X _____, bandar ini juga dikenali sebagai Pulau Bangau.

Soalan 21(b)(i) menghendaki calon menyatakan jenis penanda wacana yang sesuai bagi X. Jawapan yang sepatutnya ialah “penanda penghubung”. Soalan 21(b)(ii) menghendaki calon memberikan satu contoh penanda wacana yang sesuai bagi X. Contoh jawapan yang sesuai ialah “oleh itu”, “oleh sebab itu”, “dengan demikian”, dan “oleh hal yang demikian”.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat menamakan jenis penanda wacana yang sesuai bagi X, seterusnya memberikan contoh yang bersesuaian. Namun demikian, ada calon yang kurang memahami kehendak soalan. Soalan hanya menghendaki calon menamakan jenis penanda wacana namun calon memberikan jawapan yang terlalu khusus bagi jenis penanda wacana. Contoh jawapan calon ialah “penanda penghubung musabab”. Jawapan sebegini tidak diberikan sebarang markah. Berdasarkan petikan yang diberikan, calon menganggap perkataan “juga” merupakan elemen penambahan maklumat. Hal ini menyebabkan calon memberikan “penanda penghubung tambahan” sebagai penanda wacana yang sesuai bagi X dan “selain itu” sebagai contoh penanda wacananya. Jawapan sedemikian tidak tepat dan calon tidak diberikan sebarang markah.

Soalan 22

Soalan 22 terbahagi kepada dua, iaitu 22(a) dan 22(b), berdasarkan petikan yang berikut:

Dek kerana pujukan mak, aku memaksakan diri membolosi tembok yang tidak ingin ku masuki ini. Kesabaran hatiku bagai ditujah mata lembing, terus koyak rabak. Dahulu telah ku tutup pintu hatiku untuk mendakap manja tubuh sasa itu. Apatah lagi menyebut kalimah “ayah” yang sering dipinta aku menyebutnya setiap kali dia datang berkunjung ke rumah mak. Mak kata aku degil. Memang. Memang aku degil mak. Bukankah mak juga kata aku banyak mewarisi sifat-sifat mak?

Soalan 22(a) menghendaki calon menyatakan jenis retorik yang terdapat dalam petikan tersebut. Jawapan yang sepatutnya untuk soalan ini ialah “retorik penceritaan”. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Petikan yang diberikan jelas menggunakan retorik penceritaan. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat membezakan jenis retorik dengan jenis laras bahasa. Hal ini menyebabkan mereka memberikan “laras bahasa sastera” sebagai jawapan. Selain itu, ada calon yang tidak dapat membezakan retorik penceritaan dengan retorik lain walaupun ciri retorik penceritaan agak ketara dalam petikan tersebut. Hal ini menyebabkan mereka memberikan jawapan yang salah seperti “retorik pemujukan”, “retorik pemerian”, dan “retorik pendedahan”.

Soalan 22(b) menghendaki calon menyatakan dua ciri retorik yang terdapat dalam petikan yang diberikan. Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Bersifat kreatif dan imaginatif
- (ii) Mengandungi mesej yang tertentu
- (iii) Kurang menitikberatkan aspek tatabahasa
- (iv) Menggunakan gaya bahasa yang menarik

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka dapat menyatakan ciri berdasarkan petikan yang diberikan dalam soalan. Ciri retorik penceritaan jelas dapat dilihat dalam petikan tersebut.

Namun demikian, ada calon yang memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan retorik penceritaan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang ciri khusus retorik penceritaan. Kumpulan calon ini tidak dapat menyenaraikan ciri retorik penceritaan walaupun ciri tersebut dapat dikesan dalam petikan yang diberikan. Contoh jawapan yang diberikan oleh kumpulan calon ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Terlalu mementingkan aspek tatabahasa
- (ii) Bertujuan untuk mempengaruhi khalayak
- (iii) Tidak mempunyai fakta
- (iv) Tidak memerlukan sokongan daripada audiens

Jawapan sedemikian menunjukkan bahawa calon tidak mengetahui ciri retorik penceritaan dan mereka hanya menulis ciri retorik lain yang terlintas di fikiran mereka.

Soalan 23

Soalan 23 terbahagi kepada dua, iaitu 23(a) dan 23(b) berdasarkan petikan yang berikut:

Banyak jenayah dan masalah sosial yang dilakukan oleh remaja pada hari ini disebabkan oleh faktor kewangan. Hal ini berlaku demikian kerana keinginan anak-anak muda hari ini untuk menggunakan barangan mewah bagi menunjukkan status diri mereka dalam kalangan rakan-rakan sebaya semakin meningkat. Seseengah remaja daripada keluarga yang kurang berkemampuan mudah terikut-ikut dengan gaya hidup rakan-rakan yang mewah. Akibatnya, mereka melakukan jenayah, seperti mencuri, merempit, melacur, dan mengedar dadah untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung kehendak hidup mereka.

Soalan 23(a) menghendaki calon mengenal pasti teknik penyampaian idea yang digunakan dalam petikan yang diberikan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “teknik penyampaian idea deduksi”. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat mengenal pasti teknik penyampaian idea dalam petikan tersebut. Kumpulan calon ini tidak dapat mengenal pasti pernyataan umum dan pernyataan khusus yang terdapat dalam petikan. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menentukan teknik penyampaian idea yang digunakan dalam petikan tersebut. Oleh itu, mereka memberikan “teknik induksi” dan “teknik eklektik” sebagai jawapan.

Soalan 23(b) menghendaki calon menulis satu pernyataan umum dan satu pernyataan khusus yang terdapat dalam petikan yang diberikan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) **Pernyataan umum**
Banyak jenayah dan masalah sosial yang dilakukan oleh remaja pada hari ini disebabkan oleh faktor kewangan.
- (ii) **Pernyataan khusus**
Terdapat tiga pilihan jawapan, iaitu:
 1. Hal ini berlaku demikian kerana keinginan anak-anak muda hari ini untuk menggunakan barangan mewah bagi menunjukkan status diri mereka dalam kalangan rakan-rakan sebaya semakin meningkat.
 2. Seseengah remaja daripada keluarga yang kurang berkemampuan mudah terikut-ikut dengan gaya hidup rakan-rakan yang mewah.
 3. Akibatnya, mereka melakukan jenayah, seperti mencuri, merempit, melacur, dan mengedar dadah untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung kehendak hidup mereka.

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti pernyataan umum dan pernyataan khusus yang terdapat dalam petikan tersebut. Oleh itu, ramai calon mendapat markah penuh untuk soalan ini. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat membezakan pernyataan umum dan pernyataan khusus. Selain itu, ada calon yang cuai ketika menyalin pernyataan umum dan pernyataan khusus tersebut. Mereka tidak menyalin kedua-dua pernyataan tersebut selengkapnya seperti yang terdapat dalam petikan yang diberikan. Hal ini menyebabkan mereka tidak memperoleh markah.

Soalan 24

Soalan ini menghendaki calon menyatakan istilah yang merujuk kepada situasi penggunaan bahasa dalam *P* dan *Q* yang berikut:

<i>Situasi penggunaan bahasa</i>	
<i>P</i>	<i>Q</i>
Siti, seorang pelajar Melayu yang menguasai dua bahasa dengan baik, iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Mandarin. Beliau bukan sahaja boleh bertutur dengan fasih dalam kedua-dua bahasa malah boleh membaca dan menulis dalam kedua-dua bahasa tersebut dengan baik.	Encik Ahmad menggunakan bahasa Melayu baku ketika memberikan kuliah kepada pelajar di universiti. Ketika dalam mesyuarat, beliau juga menggunakan bahasa Melayu baku. Namun demikian, beliau akan menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan ahli keluarganya atau ketika berbual dengan rakan-rakan senegerinya.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) *P*: Dwibahasa
- (b) *Q*: Diglosia

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Hal ini menunjukkan bahawa calon menguasai ilmu variasi bahasa. Walaupun demikian, ada juga calon yang tidak dapat memberikan istilah yang tepat untuk merujuk kepada situasi penggunaan bahasa tersebut. Jawapan yang diberikan jelas menunjukkan bahawa calon tidak mengetahui istilah bagi kedua-dua situasi penggunaan bahasa dalam soalan. Contoh jawapan calon ialah “kreol”, “ideolek”, “isoglos”, “bahasa formal”, “penggunaan subdialek”, “bahasa halus”, dan “dialek”. Selain itu, ada calon yang mengetahui jawapan untuk soalan ini namun istilah yang diberikan kurang tepat, seperti “bahasa dwibahasa” dan “bahasa diglosia”. Jawapan sedemikian tidak diberikan sebarang markah kerana bukan istilah yang tepat untuk merujuk kepada situasi penggunaan bahasa yang diberikan dalam soalan.

Soalan 25

Soalan ini menghendaki calon menyatakan ciri variasi bahasa yang terdapat dalam petikan yang berikut:

Setelah dimasyhurkan sebagai Sultan, maka baginda pun bersemayam di atas takhta di istana lama itu. Baginda juga bertitah supaya diadakan istiadat pengurniaan bintang-bintang kehormatan kepada semua hulubalang yang berjasa dalam peperangan itu.

Antara jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Menggunakan kata ganti nama diri yang formal
- (b) Menggunakan kosa kata khusus yang berbeza daripada bahasa biasa
- (c) Menggunakan tatabahasa yang betul

Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Calon dapat mengenal pasti variasi bahasa dalam petikan tersebut, iaitu variasi bahasa istana. Oleh itu, mereka memberikan ciri bahasa istana yang terdapat dalam petikan. Namun demikian, ada calon yang jelas tidak menguasai ciri variasi bahasa istana. Mereka memberikan ciri umum yang tidak merujuk kepada bahasa istana. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon ialah “dituturkan oleh golongan tertentu”, “bahasa istana”, “penggunaan bahasa baku”, “bahasa formal”, dan “istilah khusus”. Selain itu, ada calon yang memberikan ciri umum variasi bahasa istana yang tidak terdapat dalam petikan, contohnya “terdapat unsur pemulukan”, “unsur pendinaan”, dan “ungkapan rutin”. Jawapan sedemikian tidak diberikan sebarang markah.

Soalan 26

Soalan 26 terbahagi kepada dua, iaitu 26(a) dan 26(b), berdasarkan ciri-ciri yang berikut:

- I Menggunakan kata ganti nama diri yang tidak sopan
- II Menggunakan intonasi yang tinggi
- III Boleh mewujudkan situasi yang tidak harmoni

Soalan 26(a) menghendaki calon menyatakan jenis variasi bahasa yang menepati ciri yang diberikan. Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “bahasa kasar”. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Ciri-ciri yang diberikan dalam soalan dapat membantu calon menentukan jenis variasi bahasanya. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat menentukan jenis variasi bahasa dengan tepat. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah “bahasa slanga”, “bahasa pasar”, dan “bahasa tak formal”. Selain itu, ada calon yang tidak dapat membezakan variasi bahasa dengan ragam bahasa. Buktinya, mereka memberikan jawapan yang berkaitan dengan ragam bahasa, contohnya “bahasa mengejek” dan “bahasa herdik”.

Soalan 26(b) menghendaki calon membina satu wacana yang dapat menunjukkan variasi bahasa yang menepati ciri yang diberikan dalam soalan. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Contoh jawapan untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Kerja kau, tak ada lain. Cuma tahu nak membuta je!

Kebanyakan calon dapat membina wacana yang menunjukkan variasi bahasa kasar. Wacana yang dibina oleh calon mengandungi ketiga-tiga ciri yang terdapat dalam soalan. Namun demikian, ada calon yang cuai ketika menjawab soalan ini. Walaupun soalan menghendaki calon membina satu wacana, ada calon yang membina satu ayat sahaja, sedangkan pada tahap tingkatan enam, wacana mestilah melebihi satu ayat. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah walaupun ayat yang dibina menepati ciri variasi bahasa kasar. Penggunaan tanda baca, seperti huruf besar pada awal ayat dan tanda noktah pada akhir ayat turut diabaikan oleh calon. Hal ini menyebabkan jawapan tersebut diragui, sama ada merupakan satu ayat atau satu wacana. Ada juga calon yang membina wacana yang menunjukkan variasi bahasa slanga dan variasi bahasa pasar. Walau bagaimanapun, jawapan calon masih boleh diterima jika ada penggunaan kosa kata kasar, seperti “mampus”, “bangsat”, dan sebagainya.

Soalan 27

Soalan 27 terbahagi kepada tiga, iaitu 27(a), 27(b), dan 27(c). Soalan 27(a) menghendaki calon memberikan definisi *laras bahasa*. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Laras bahasa ialah ciri khusus dalam penggunaan bahasa berdasarkan bidang penggunaannya.
- (ii) Variasi bahasa yang wujud berdasarkan bidang.

Ada segelintir calon yang dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka nyata memahami konsep *laras bahasa*. Namun demikian, ada juga calon yang tidak dapat memberikan definisi *laras bahasa* yang betul. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

Laras bahasa ialah ilmu yang mengkaji sesebuah bahasa yang digunakan berdasarkan situasi sosial dan penggunaan.

Contoh jawapan sedemikian adalah tidak tepat kerana laras bahasa tidak melibatkan kajian penggunaan bahasa, sebaliknya ia merujuk kepada cara penggunaan bahasa mengikut bidang. Persembahan jawapan yang sedemikian menunjukkan bahawa calon tersebut tidak memahami tajuk laras bahasa.

Soalan 27(b) menghendaki calon menyatakan dua ciri laras bahasa sukan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Mementingkan kesan emotif kepada audiens
- (ii) Menggunakan kosa kata biasa dengan maksud yang menyegarkan
- (iii) Menggunakan istilah khusus yang berkaitan dengan bidang sukan
- (iv) Kurang menitikberatkan aspek tatabahasa

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membezakan laras bahasa sukan dengan laras bahasa lain. Buktinya, mereka dapat memberikan ciri khusus laras bahasa sukan. Namun demikian, ada juga segelintir calon yang memberikan ciri laras bahasa yang umum dan bercampur aduk. Calon ini sebenarnya tidak dapat membezakan ciri laras bahasa sukan dengan ciri laras bahasa yang lain. Oleh itu, mereka menulis apa-apa sahaja ciri laras bahasa yang terlintas dalam fikiran mereka. Contoh jawapan yang diberikan adalah seperti yang berikut:

- (i) Menggunakan ayat yang emotif dan deskriptif
- (ii) Mempengaruhi emosi khalayak
- (iii) Banyak menggunakan kata nama
- (iv) Menggunakan ayat yang mudah dan ringkas

Soalan 27(c) menghendaki calon membina satu wacana yang menunjukkan ciri laras bahasa sukan. Panjang wacana hendaklah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan yang sesuai untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Azrul merupakan penjaring terbanyak dalam pertandingan bola sepak persahabatan petang tadi. Kelicikannya dalam mengawal bola telah mengagumkan penonton. Tendangannya begitu kencang. Gawang gol pihak lawan telah ditembusi sebanyak tiga kali.

Ramai calon dapat membina wacana yang menepati ciri laras bahasa sukan. Mereka dapat mengemukakan kosa kata yang menyegarkan yang sering digunakan dalam laras bahasa sukan. Mereka juga menggunakan nama atlet dalam wacana yang dibina. Hal ini menunjukkan calon juga mempunyai pengetahuan tentang sukan. Namun demikian, ada juga calon yang membina wacana yang tidak menepati laras bahasa sukan. Mereka membina wacana yang mengandungi cerita tentang permainan sukan. Ada calon yang tidak mendapat markah penuh untuk soalan ini kerana mereka sekadar membina wacana yang mengandungi istilah sukan sahaja, sedangkan soalan menghendaki mereka membina wacana yang menepati ciri laras bahasa sukan, iaitu dengan istilah sukan dan kosa kata biasa yang membawa maksud yang menyegarkan. Selain itu, ada calon yang membina satu ayat sahaja, sedangkan soalan menghendaki calon membina satu wacana. Hal ini menyebabkan calon tidak memperoleh sebarang markah walaupun ayat yang dibina menepati ciri laras bahasa sukan. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Pada minggu lepas, SMK Seri Nusa telah mengadakan sukan tahunan. Dalam temasya sukan itu, rumah merah muncul sebagai juara keseluruhan. Seramai tiga pelajar memperoleh anugerah atlet terbaik.
- (ii) Syafawi merampas bola dari pihak lawan dan terus menggelecek ke gawang gol dan akhirnya gollllll

Contoh (i) merupakan wacana yang tidak menepati ciri laras bahasa sukan. Wacana tersebut merupakan laporan aktiviti sukan. Contoh (ii) pula menepati laras bahasa sukan tetapi bukan sebuah wacana sebaliknya merupakan satu ayat sahaja.

Soalan 28

Soalan 28 terbahagi kepada dua, iaitu 28(a) dan 28(b). Soalan 28(a) menghendaki calon mengenal pasti istilah X, iaitu:

X ialah bidang ilmu yang mengkaji makna sesuatu perkataan dalam bahasa.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “semantik”. Ramai calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Calon mengetahui bahawa kajian makna perkataan merujuk kepada semantik. Calon yang tidak menguasai tajuk semantik tidak dapat memberikan jawapan yang tepat untuk soalan ini. Mereka memberikan pelbagai jawapan, antaranya “polisemi”, “pragmatik”, dan “variasi bahasa”.

Soalan 28(b) menghendaki calon menyatakan jenis makna yang didukung oleh frasa yang berhuruf condong dalam ayat (i) dan ayat (ii) yang berikut:

- (i) *Kaki bangku* itu telah dibaiki oleh pembantu Pak Ahmad.
- (ii) Pak Ali sudah lali dengan panggilan *kaki bangku* sejak remaja lagi.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Makna denotatif
- (ii) Makna konotatif

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Namun demikian, ada calon yang tertukar antara makna denotatif dengan makna konotatif. Mereka memberikan jawapan “makna konotatif” untuk (i) dan “makna denotatif” untuk (ii). Selain itu, ada calon yang memberikan jawapan yang tidak mempunyai kaitan dengan jenis makna. Mereka menghuraikan maksud “kaki bangku” dan bukannya memberikan jenis makna bagi frasa tersebut. Contoh jawapan calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Bahagian bawah/kaki kerusi
- (ii) Tidak pandai bermain bola

Soalan 29

Soalan 29 terbahagi kepada dua, iaitu 29(a) dan 29(b). Soalan 29(a) menghendaki calon memberikan satu contoh homonim. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini ialah “daki”, “buku”, “haus”, “gamat”, “ketam”, dan “organ”. Tidak ramai calon dapat menjawab soalan ini. Calon tidak dapat membezakan homonim dengan polisemi. Hal ini menyebabkan mereka memberikan contoh polisemi, dan bukannya homonim. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon ialah “perang” dan “semak”.

Soalan 29(b) menghendaki calon membina dua ayat dengan menggunakan satu homonim untuk menunjukkan perbezaan maknanya. Homonim tersebut tidak boleh diberikan imbuhan atau digandakan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) *Daki* melekat pada kolar bajunya.
- (ii) Gunung itu kami *daki*.

Ada calon yang dapat membina ayat dengan menggunakan satu homonim. Mereka memberikan contoh homonim yang tepat, seterusnya membina dua ayat untuk menunjukkan perbezaan maknanya. Namun demikian, ada calon yang hanya membina satu ayat. Hal ini menyebabkan perbezaan makna tidak dapat ditunjukkan. Selain itu, ada calon yang memberikan perkataan yang bukan homonim, sebaliknya merupakan polisemi. Hal ini menyebabkan dua ayat yang dibina tidak diberikan markah kerana ayat-ayat tersebut tidak mengandungi homonim.

Soalan 30

Soalan 30 menghendaki calon mengenal pasti perubahan makna yang berlaku pada perkataan yang bergaris dalam ayat yang berikut:

“Saudara perlu mengisi borang penilaian ini sebelum sesi klirik bahasa ini tamat,” kata penceramah itu kepada semua peserta.

Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (a) Saudara: Peluasan makna
- (b) Klinik: Peluasan makna

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka jelas memahami konsep perubahan makna dan dapat mengenal pasti perubahan makna yang berlaku pada sesuatu perkataan. Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat, sedangkan perkataan yang bergaris merupakan perkataan yang sering digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa ada sebilangan kecil calon yang tidak memahami konsep perubahan makna perkataan.

Soalan 31

Soalan 31 terbahagi kepada dua, iaitu 31(a) dan 31(b) berdasarkan makna yang berikut:

Melakukan perbuatan yang sia-sia

Soalan 31(a) menghendaki calon memberikan satu peribahasa yang mendukung makna tersebut. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) Ikan di hulu, tuba di hilir
- (ii) Seperti si buta membilang bintang di langit
- (iii) Umpama menulis di atas air
- (iv) Mencurahkan garam ke laut
- (v) Mencurahkan air ke daun keladi

Hanya sebilangan kecil calon dapat memberikan peribahasa yang mendukung makna yang diberikan dalam soalan. Antara peribahasa yang diberikan oleh calon ialah peribahasa (i) dan (v). Ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka memberikan peribahasa yang tidak menepati makna yang diberikan dalam soalan. Contoh jawapan yang diberikan oleh calon adalah seperti yang berikut:

- (i) Bagai tikus membaiki labu
- (ii) Ikan di hulu perahu di hilir
- (iii) Perahu di hulu pengayuh di hilir
- (iv) Ikan di hulu, tuba di sungai

Soalan 31(b) menghendaki calon membina satu wacana dengan menggunakan peribahasa tersebut bagi menunjukkan maknanya dengan tepatnya. Panjang wacana mestilah tidak melebihi 30 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Chong sering berangan-angan untuk menjadi seorang jutawan namun dia tidak pernah berusaha untuk mencapai cita-citanya itu. Perbuatan Chong ini seperti si buta membilang bintang di langit.

Hanya sebilangan kecil calon dapat menjawab soalan ini dengan betul. Mereka dapat memberikan peribahasa yang mendukung makna yang diberikan dalam soalan, seterusnya membina satu wacana untuk menunjukkan makna peribahasa tersebut. Namun demikian, ramai calon tidak dapat menjawab soalan ini. Walaupun mereka dapat memberikan peribahasa yang tepat, namun konteks wacana yang dibina tidak mendukung makna peribahasa tersebut. Ada calon yang membina wacana yang dapat menunjukkan makna yang didukung oleh peribahasa tersebut namun peribahasanya tidak digunakan dalam wacana berkenaan. Ada juga calon yang membina wacana yang membawa maksud yang kabur. Selain itu, ada calon yang langsung tidak menjawab soalan ini.

Soalan 32

Soalan 32 terbahagi kepada dua, iaitu 32(a) dan 32(b), berdasarkan pernyataan yang berikut:

<i>Penggunaan bahasa oleh X</i>	<i>Penggunaan bahasa oleh Y</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Bertujuan untuk bergurau atau mengusik seseorang • Tidak mengandungi kiasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertujuan untuk menunjukkan kelemahan pihak lain • Ingin membangkitkan emosi malu dan marah kepada pihak yang dituju

Soalan 32(a) menghendaki calon menyatakan jenis ragam bahasa yang digunakan oleh X dan Y. Jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) X: Bahasa menggiat
- (ii) Y: Bahasa mengejek

Calon yang mempunyai pengetahuan mengenai jenis ragam bahasa dapat menjawab soalan ini dengan tepatnya. Mereka dapat mengenal pasti jenis ragam bahasa berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam soalan. Namun demikian, ada calon yang tidak dapat mengenal pasti jenis ragam bahasa tersebut. Antara jawapan yang diberikan ialah “bahasa sindiran”, “bahasa tempelak”, “bahasa herdik”, dan “bahasa jenaka”. Selain itu, ada calon yang memberikan istilah sendiri, contohnya “bahasa melaga” dan “bahasa menyakat”.

Soalan 32(b) menghendaki calon membina satu wacana yang memperlihatkan ragam bahasa yang digunakan oleh X, iaitu “ragam bahasa menggiat”. Panjang wacana hendaklah tidak melebihi 20 patah perkataan. Contoh jawapan yang tepat untuk soalan ini adalah seperti yang berikut:

Hai, ada orang sudah dinaikkan pangkat. Makan besarlah kita selepas ini.

Ada calon yang dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina wacana yang menunjukkan ciri ragam bahasa menggiat. Namun demikian, ada juga calon yang hanya membina satu ayat, sedangkan soalan menghendaki calon membina satu wacana. Walaupun ayat yang dibina menepati ciri ragam bahasa menggiat, calon tidak memperoleh sebarang markah. Ada calon yang membina wacana yang kabur ragam bahasanya. Wacana yang dibina hanya mengandungi ayat penyata atau berbentuk pernyataan umum dan tidak menunjukkan ragam bahasa menggiat. Selain itu, ada calon yang langsung tidak menjawab soalan ini.

Soalan 33

Soalan ini menghendaki calon membina satu wacana bagi setiap situasi yang diberikan dengan menggunakan bahasa yang sopan dan bertatasusila. Panjang setiap wacana mestilah tidak melebihi 20 patah perkataan. Berikut ialah situasi yang diberikan dalam soalan berserta dengan contoh jawapan yang tepat:

	<i>Situasi</i>	<i>Wacana</i>
(a)	Individu X menegur individu Y yang sedang merokok di kawasan terbuka.	Maafkan saya, encik. Ini kawasan terbuka. Encik dimohon untuk tidak merokok di sini.
(b)	Seorang remaja ingin meminta semula begnya yang tersalah ambil oleh seorang wanita berumur.	Maafkan saya, puan. Beg yang puan ambil tersebut ialah beg saya. Boleh saya ambil semula beg saya?
(c)	Individu Z yang tidak dapat membantu rakannya yang mahu meminjam wang.	Maafkan saya. Saya tidak dapat membantu awak kerana wang saku saya juga telah kehabisan.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat membina wacana dengan menggunakan bahasa yang sopan dan bertatasusila berdasarkan situasi yang diberikan. Calon dapat menggunakan kata panggilan yang sopan, seperti “encik” dan “puan”, kata ganti nama diri yang sopan, seperti “saya” dan “awak”, dan ungkapan yang bertatasusila, seperti “assalamualaikum”, “minta maaf”, dan “terima kasih”. Ramai calon mendapat markah penuh untuk soalan ini, iaitu 6 markah.

Namun demikian, ada segelintir calon yang tidak memperoleh sebarang markah untuk soalan ini atas kecuaiannya sendiri. Soalan meminta calon membina wacana tetapi calon hanya membina satu ayat. Walaupun ayat yang dibina jelas menunjukkan ciri bahasa yang sopan dan bertatasusila, namun calon tidak diberi markah. Ada calon yang membina wacana yang berbentuk penceritaan bagi menggambarkan situasi yang diberikan dalam soalan. Hal ini menyebabkan penggunaan bahasa yang sopan dan bertatasusila tidak dapat ditunjukkan dalam wacana tersebut. Selain itu, ada calon membina wacana yang tidak menggambarkan situasi yang diberikan dalam soalan. Walaupun wacana yang dibina menunjukkan penggunaan bahasa yang sopan dan bertatasusila, calon tidak memperoleh sebarang markah kerana wacana berkenaan tidak menepati situasi yang diberikan.